

WASSB dapat kontrak RM370j

Weststar Aviation Services Sdn Bhd (WASSB) memperoleh kontrak bernilai RM370 juta bagi menyediakan dua buah helikopter jenis AgustaWestland AW139 untuk kegunaan Carigali Hess Operating Company dan CarigaliPTTEPI Operating Company Sdn Bhd.

Weststar dalam kenyataannya semalam, berkata kedua-dua syarikat menggunakan helikopter bersaiz sederhana, AW139 dalam generasi baharu dengan keupayaan 15 tempat serta berenjin kembar bagi mengembangkan operasi eksplorasi minyak dan gas di bawah kerjasama Malaysia-Thailand.

Kontrak lima tahun berkuat kuasa semalam, adalah untuk pengendalian kedua-dua helikopter dari pangkalannya di Kota Baharu, Kelantan.

"Ia adalah rangsangan yang tepat pada masa untuk pengembangan strategik WASSB, seterusnya bagi mengukuhkan kedudukan di pasaran pelanggan kami beroperasi," kata Pengarah Pembangunan Perniagaan, Datuk Anuar Noordin. **BERNAMA**